

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

1. PENGURUSAN PROGRAM SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

FAKTA UTAMA

RM2.215 Bilion	111,494 Penerima Manfaat	Golongan Sasar
<ul style="list-style-type: none">Jumlah peruntukan program SPKR dalam tempoh RMKe-11 dan RMKe-12 (tahun 2022)	<ul style="list-style-type: none">Bilangan peserta program yang menerima bantuan dalam tempoh RMKe-11 dan RMKe-12 (tahun 2022)	<ul style="list-style-type: none">Miskin tegar, miskin dan Kumpulan B40 iaitu pendapatan isi rumah sekurang-kurangnya RM4,849 dan ke bawah
Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)	Bantuan yang diberi: <ul style="list-style-type: none">Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)Program Peningkatan Pendapatan (PPP) Memastikan kumpulan sasar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik	
Objektif SPKR	Bertanggungjawab terhadap penyelaras dasar SPKR, penyelaras teknikal PPRT dan penyelaras pelaksanaan program SPKR	
Bahagian Kesejahteraan Rakyat		
Agensi Pelaksana SPKR	Agensi dan anak syarikat agensi di bawah KKDW	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar dalam memastikan kumpulan sasar (miskin, miskin tegar dan B40) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik. Program ini dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Program ini telah diteruskan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) sebagai salah satu *touch point* utama Kerajaan yang sentiasa prihatin menjaga kesejahteraan dan mendahulukan kebijakan rakyat.


1.2. Program SPKR mengandungi tiga komponen iaitu Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Ketiga-tiga komponen program ini dapat membentuk suatu pakej nilai tambah kepada kumpulan sasar untuk memiliki kediaman yang selamat dan selesa, memperkasa jati diri dan menjana pendapatan sendiri.

1.3. Pelaksanaan program SPKR adalah melalui agensi pelaksana yang dilantik oleh KKDW dari semasa ke semasa yang terdiri daripada agensi di bawah KKDW. Kumpulan sasar terdiri daripada rakyat luar bandar yang memperoleh pendapatan isi rumah RM2,208 dan ke bawah bagi miskin dan miskin tegar; serta kumpulan B40 yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM4,849 berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan tahun 2019.

1.4. Bagi tempoh RMKe-11 hingga tahun 2022, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.215 bilion untuk pelaksanaan ketiga-tiga komponen program SPKR di seluruh negara dan seramai 111,494 peserta telah menerima manfaat program ini.

1.4.1. Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

Objektif program, kriteria kumpulan sasar, skop dan kadar bantuan PPRT adalah seperti dalam **Rajah 1**.



Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

Nota: TB - Tidak Berkennaan

SM - Semenanjung Malaysia


SS - Sabah dan Sarawak

IBS - Sistem Bangunan Berindustri (Industrialised Building System)

1.4.2. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Objektif program, kriteria kumpulan sasar yang layak, skop dan syarat bantuan bagi PLKK adalah seperti dalam **Rajah 2**. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh PLKK adalah seperti dalam **Jadual 1**.

RAJAH 2
OBJEKTIF, KUMPULAN SASAR, STRATEGI, SKOP DAN SYARAT BANTUAN PLKK



Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

JADUAL 1
JENIS KURSUS YANG DITAWARKAN DI BAWAH PLKK

TEKNOLOGI TERKINI	PEMBANGUNAN SOSIAL DAN PROFESIONAL
Aviation – Ground Handling, Oil & Gas, Fiber Optic Installation & Maintenance dan Pemasangan Penebat Paip Gas (High Pressure).	Call Cert, Java Mobile, Pendidikan Awal Kanak-kanak, Perakaunan Berkomputer – UBS, Pembantu Tadbir Sistem Maklumat, Animation – Special Effect, Kerani Tempahan Tiket dan Jurugambar.
FESYEN & TEKSTIL	PEMBUATAN DAN MEKANIKAL
Jahitan Pakaian Wanita/Lelaki, Jahitan Cadar, Jahitan Baju Melayu, Jahitan Baju Korporat, Jahitan Langsir, Jahitan Telekung dan Jahitan Songkok.	Polymer Engineering & Product Design, Pembuatan Dan Mekanikal (Mesin CNC), Juruteknik Rendah Automasi, Mekanik Motosikal, Teknologi Permotoran dan Teknologi Automotif.
KESIHATAN DAN KECANTIKAN	PEMBINAAN DAN KEJURUTERAAN
Salon dan SPA, Dandanan Rambut, Solekan, Nail Art dan Perbadanan Melayu Terapi Moden.	Kejuruteraan Marin, Industri Pelabuhan, Prime Mover Operation, Pengendali Jentera Berat, Penyelamat Kelemasan, Pendawaian Elektrik, Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi serta Fabrikasi Logam, Juruelektrik/Juru Kimpalan dan Perkapalan.
PELANCONGAN DAN HOSPITALITI	PENGANGKUTAN
Penyediaan Makanan, Bakeri dan Pastri, Perhotelan dan Peruncitan.	Pemanduan Kenderaan Perdagangan.


Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

1.4.3. Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

- Objektif program, kumpulan sasar, syarat penerima bantuan yang perlu diberi keutamaan dan skop bantuan bagi PPP adalah seperti dalam **Rajah 3**. Projek-projek ekonomi PPP memberi tumpuan kepada empat skop utama yang terdiri

dari aktiviti perkhidmatan, perniagaan secara kecil-kecilan, perusahaan sumber asas tani/perikanan/penternakan dan aktiviti pertanian/perikanan/penternakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

RAJAH 3
OBJEKTIF, KUMPULAN SASAR, KRITERIA KUMPULAN SASAR YANG LAYAK, YANG PERLU DIBERI KEUTAMAAN DAN SKOP BANTUAN BAGI PPP



Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

JADUAL 2
SKOP PROJEK EKONOMI PPP

SKOP PROJEK	PENERANGAN SKOP
Aktiviti perkhidmatan	Projek-projek ekonomi yang memberikan perkhidmatan yang memerlukan daya kemahiran sebagai aktiviti utama projek seperti jahitan, gunting rambut dan lain-lain.
Perniagaan secara kecil-kecilan	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penjualan produk seperti makanan/minuman dan barang sebagai aktiviti utama projek.
Perusahaan sumber asas tani/perikanan/penternakan	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penghasilan produk/memproses bahan-bahan mentah pertanian sebagai aktiviti utama projek.
Aktiviti pertanian/perikanan/penternakan	Projek-projek yang meliputi aktiviti tanaman (seperti sayur-sayuran/buah-buahan dan lain-lain), ternakan (seperti lembu/ayam/kambing dan lain-lain) dan perikanan (seperti peralatan menangkap ikan/ternakan ikan dalam sangkar dan lain-lain).

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

- b. Penglibatan kumpulan sasar dalam projek-projek ekonomi berkaitan adalah dari segi:
- Penglibatan secara langsung dalam pelaksanaan projek; atau
 - Sebagai perancang dan pembuat keputusan terhadap hala tuju projek; atau

- iii. Sebagai penerima upah/gaji/dividen pelaksanaan projek; atau
- iv. Sebagai pemilik aset/premis/peralatan/mesin bantuan yang diberi.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan SPKR telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu memastikan kumpulan sasar (miskin tegar, miskin dan B40) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program SPKR bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 (RMKe-11) dan 2021 (RMKe-12). Prestasi program dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Data pencapaian output program telah dikemas kini sehingga 31 Disember 2022. Pengurusan program pula meliputi empat perkara iaitu prestasi kewangan, pengurusan program PPRT, pengurusan program PLKK dan pengurusan program PPP.

3.2. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BKR), KKDW yang bertanggungjawab terhadap penyelarasan dasar SPKR, penyelarasan teknikal PPRT dan penyelarasan pelaksanaan program SPKR. Di samping itu, tujuh agensi pelaksana terpilih iaitu Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), GIATMARA Sdn. Bhd. (GIATMARA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan FELCRA Berhad. Pengauditan turut dijalankan di syarikat FELCRA Training and Consultancy Sdn. Bhd. (FTC) dan FELCRA Bina Sdn. Bhd. (FELCRA BINA) yang bertanggungjawab terhadap program yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad.

3.3. Pengauditan ini melibatkan enam negeri iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah, Perak dan Selangor. Asas pemilihan agensi pelaksana berdasarkan agihan peruntukan program SPKR yang tinggi dengan mengambil kira penyertaan peserta program yang juga tinggi di peringkat negeri. Sampel Audit terhadap tiga komponen program SPKR adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SAMPEL AUDIT TERHADAP TIGA KOMPONEN PROGRAM SPKR
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2021

NEGERI	AGIHAN PERUNTUKAN (RM Juta)	POPULASI		SAMPEL AUDIT UNTUK SEMAKAN DOKUMEN DAN PERATUS BERBANDING POPULASI		SAMPEL LAWATAN AUDIT KE LOKASI DAN PERATUS BERBANDING POPULASI	
		PPRT	BB (Unit)	BP (Unit)	BB (Unit)/(%)	BP (Unit)/(%)	BB (Unit)/(%)
Sabah	249.62	1,149	4,536	46 (4.0%)	132 (2.9%)	34 (3.0%)	25 (0.6%)
Sarawak	120.09	772	4,033	82 (10.6%)	123 (3.0%)	38 (4.9%)	33 (0.8%)
Kelantan	76.75	514	3,276	88 (17.1%)	143 (4.4%)	19 (3.7%)	19 (0.6%)
Kedah	60.23	209	1,933	36 (17.2%)	73 (3.8%)	21 (10.0%)	28 (1.4%)
Perak	64.71	413	1,790	41 (9.9%)	108 (6.0%)	6 (1.5%)	17 (0.9%)
Selangor	22.16	110	763	41 (37.3%)	41 (5.4%)	11 (10.0%)	19 (2.5%)
JUMLAH	593.56	3,167	16,331	334 (10.5%)	620 (3.8%)	129 (4.1%)	141 (0.9%)
PLKK		BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA
Sabah	6.89	37	481	17 (45.9%)	191 (39.7%)	4 (10.8%)	48 (10.0%)
Sarawak	0.74	41	368	18 (43.9%)	135 (36.7%)	4 (9.8%)	30 (8.2%)
Kelantan	3.84	80	1,413	37 (46.3%)	393 (27.8%)	3 (3.8%)	35 (2.5%)
Kedah	4.25	72	826	34 (47.2%)	383 (46.4%)	18 (25.0%)	208 (25.2%)
Perak	2.91	32	456	19 (59.4%)	245 (53.7%)	1 (3.1%)	15 (3.3%)
Selangor	8.38	102	2,010	20 (19.6%)	200 (10.0%)	8 (7.8%)	50 (2.5%)
JUMLAH	27.01	364	5,554	145 (39.8%)	1,547 (27.9%)	38 (10.4%)	386 (6.9%)
PPP		BIL. PESERTA		BIL. PESERTA		BIL. PESERTA	
Sabah	2.19	204		66 (32.4%)		40 (19.6%)	
Sarawak	9.01	206		34 (16.5%)		16 (7.8%)	
Kelantan	3.61	400		80 (20.0%)		39 (9.8%)	
Kedah	3.44	441		74 (16.8%)		35 (7.9%)	
Perak	2.56	301		63 (20.9%)		42 (14.0%)	
Selangor	1.05	61		12 (19.7%)		11 (18.0%)	
JUMLAH	21.86	1,613		329 (20.4%)		183 (11.3%)	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: BB - Bina Baharu; BP – Baik Pulih

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Lawatan dan pemeriksaan fizikal serta temu bual dengan pegawai dan pihak ketiga yang terlibat serta peserta program juga dijalankan. Borang soal selidik turut diedarkan kepada peserta program yang terpilih bagi mendapatkan maklum balas berhubung keberkesanan program SPKR.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan dilaksanakan pada bulan April hingga Julai 2022. Perkara ditemui serta maklum balas dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 12 Disember 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

- a. Bagi tahun 2016 hingga 2022, Pegawai Pengawal telah meluluskan sebanyak 14,032 unit rumah bina baharu dan 66,815 unit baik pulih. Daripada jumlah tersebut, **13,054 (93%) unit rumah bina baharu dan 75,203 (112.6%) unit baik pulih telah dikeluarkan Surat Arah Pelaksanaan (SAP)** bagi tujuan pelaksanaan oleh agensi. Perbezaan ini disebabkan unjuran yang dibuat pada awal tahun berdasarkan prestasi rumah bina baharu dan baik pulih tahun sebelum manakala pengeluaran SAP dibuat berdasarkan prestasi pelaksanaan agensi, jumlah permohonan yang diterima dan arahan daripada semasa ke semasa. Selanjutnya, daripada jumlah rumah bina baharu dan baik pulih yang diluluskan dan dikeluarkan SAP, **12,864 (98.5%) unit rumah bina baharu dan 73,603 (97.9%) unit baik pulih telah dilaksanakan oleh agensi**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PRESTASI PELAKSANAAN RUMAH BINA BAHARU DAN BAIK PULIH
BERBANDING UNJURAN AWAL DAN SAP YANG DIKELUARKAN

TAHUN	UNJURAN AWAL		BILANGAN RUMAH MENGIKUT SAP YANG DIKELUARKAN BERBANDING UNJURAN				PELAKSANAAN SEBENAR OLEH AGENSI BERBANDING SAP			
	BINA BAHARU	BAIK PULIH	BINA BAHARU		BAIK PULIH		BINA BAHARU		BAIK PULIH	
			BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
2016	3,050	7,939	3,055	100.2	8,168	102.9	3,233	105.8	8,900	109.0
2017	2,100	12,996	1,945	92.6	15,556	119.7	1,848	95.0	14,917	95.9
2018	608	5,521	1,428	234.9	11,805	213.8	1,265	88.6	10,412	88.2

TAHUN	UNJURAN AWAL		BILANGAN RUMAH MENGIKUT SAP YANG DIKELUARKAN BERBANDING UNJURAN				PELAKSANAAN SEBENAR OLEH AGENSI BERBANDING SAP			
			BINA BAHARU		BAIK PULIH		BINA BAHARU		BAIK PULIH	
	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
2019	1,532	7,354	1,474	96.2	7,372	100.2	1,384	93.9	7,360	99.8
2020	2,064	7,575	1,495	72.4	8,198	108.2	1,477	98.8	7,910	96.5
2021	2,228	14,030	1,484	66.6	11,842	84.4	1,484	100.0	11,842	100.0
2022	2,450	11,400	2,173	88.7	12,262	107.6	2,173	100.0	12,262	100.0
JUMLAH	14,032	66,815	13,054	93.0	75,203	112.6	12,864	98.5	73,603	97.9

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

- b. Analisis Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2022, sebanyak **11,493 (89.3%) daripada 12,864 unit rumah bina baharu yang dilaksanakan oleh agensi sejak tahun 2016 telah siap**. Sejumlah 1,371 unit rumah bina baharu yang masih belum disiapkan terdiri daripada 10 unit yang telah mula dilaksanakan oleh agensi sejak tahun 2019, 49 unit sejak tahun 2020, 20 unit sejak tahun 2021 dan 1,292 unit bagi tahun 2022. **Bagi rumah untuk tindakan baik pulih, sebanyak 70,872 unit rumah atau 96.3% telah selesai sepenuhnya berbanding 73,603 unit yang dilaksanakan oleh agensi sejak tahun 2016**. Baki 2,731 unit masih belum disiapkan oleh agensi terdiri daripada 104 unit yang dilaksanakan agensi pada tahun 2020, 57 unit pada tahun 2021 dan 2,570 unit yang dilaksanakan pada tahun 2022. Antara punca projek belum disiapkan ialah berlaku pertukaran nama penerima disebabkan kematian penerima asal atau penerima telah menerima bantuan dari pihak lain, penerima gagal dihubungi, dan kontraktor menarik diri disebabkan kenaikan kos bahan binaan atau lokasi rumah penerima di kawasan pedalaman. Secara keseluruhan pelaksanaan PPRT adalah baik. Maklumat lanjut berkaitan pencapaian program PPRT bagi RMKe-11 dan RMKe-12 (tahun 2022) adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PPRT HINGGA 31 DISEMBER 2022

TAHUN	BIL. PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH AGENSI		STATUS PELAKSANAAN PROJEK							
			BINA BAHARU				BAIK PULIH			
	BINA BAHARU	BAIK PULIH	SIAP	%	BELUM SIAP	%	SIAP	%	BELUM SIAP	%
2016	3,233	8,900	3,233	100	-	-	8,900	100	-	-
2017	1,848	14,917	1,848	100	-	-	14,917	100	-	-
2018	1,265	10,412	1,265	100	-	-	10,412	100	-	-
2019	1,384	7,360	1,374	99.3	10	0.7	7,360	100	-	-
2020	1,477	7,910	1,428	96.7	49	3.3	7,806	98.7	104	1.3

TAHUN	BIL. PROJEK YANG DILAKUKAN OLEH AGENSI		STATUS PELAKSANAAN PROJEK							
	BINA BAHARU	BAIK PULIH	BINA BAHARU				BAIK PULIH			
			SIAP	%	BELUM SIAP	%	SIAP	%	BELUM SIAP	%
2021	1,484	11,842	1,464	98.7	20	1.3	11,785	99.5	57	0.5
2022	2,173	12,262	881	40.5	1,292	59.5	9,692	79.0	2,570	21.0
JUMLAH	12,864	73,603	11,493	89.3	1,371	10.7	70,872	96.3	2,731	3.7

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober, 25 November, 21 Disember 2022 dan 12 April 2023

Kelulusan tahunan disediakan pada awal tahun pelaksanaan dan diunjurkan berdasarkan prestasi tahun sebelumnya. Pelaksanaan sebenar ditentukan berdasarkan prestasi pelaksanaan Agensi Pelaksana, jumlah permohonan yang diterima dan arahan dari semasa ke semasa. Pelarasan semula peruntukan/agihan rumah bina baharu dan baik pulih akan dibuat pada tahun semasa dengan mengambil kira prestasi agensi pelaksana, jumlah permohonan yang diterima mengikut kawasan/Parlimen/Negeri/peristiwa-peristiwa tertentu (bencana, kenaikan harga dan perubahan polisi), sekatan perbelanjaan serta *Notice of Change* (NOC) yang melibatkan perubahan agihan dan skop bantuan. Selain itu, pelarasan/pengurangan unjuran unit Bina Baharu dibuat susulan kelulusan kenaikan kadar bantuan. Ini kerana tiada tambahan peruntukan bagi menampung implikasi kewangan yang terlibat.

Kelewatan penyiapan projek tahun 2022 disebabkan peningkatan harga bahan binaan, kenaikan kos upah buruh binaan dan kadar penolakan/tarik diri kontraktor. Isu kelewatan telah dapat diatasi dengan kenaikan kadar bantuan dan pada masa ini projek-projek yang belum siap telah pun bermula/sedang dilaksanakan di tapak.


c. Pembinaan Rumah Bina Baharu Lewat Siap

- SAP yang dikeluarkan oleh pihak KKDW kepada agensi pelaksana menyatakan kerja pembinaan rumah baharu perlu disiapkan dalam tempoh tiga bulan bagi jenis konvensional dan dua bulan bagi jenis IBS. Perenggan 10.1(vi) Tatacara Pelaksanaan PPRT menetapkan bahawa bagi projek lewat jadual, kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan pelanjutan masa (EOT) kepada agensi pelaksana untuk diluluskan oleh Pegawai Penguasa. Bayaran Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) akan dikenakan bagi projek yang melebihi tempoh siap projek.
- Semakan Audit terhadap Borang Akuan Siap Kerja mendapat **37 (28.7%) daripada 129 unit sampel rumah bina baharu**

lewat disiapkan dengan tempoh kelewatan hingga 635 hari (hampir dua tahun) berbanding tarikh siap kerja asal seperti dalam perjanjian. Sebanyak 92 (71.3%) unit lagi telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Berdasarkan temu bual dengan agensi pelaksana, pihak Audit dimaklumkan antara punca kelewatan adalah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021, faktor cuaca, kelewatan kemasukan utiliti (elektrik/air) terutama di kawalan luar bandar, isu pemilikan tanah dan kelewatan menerima bahan pembinaan IBS. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
ANALISIS PENYIAPAN RUMAH BINA BAHARU
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2021 BERDASARKAN SAMPEL AUDIT



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

- Semakan Audit selanjutnya mendapati **permohonan dan kelulusan EOT tidak dibuat secara bertulis disebabkan perjanjian antara agensi pelaksana dan kontraktor tidak mempunyai klausa berkaitan dengan EOT dan LAD**. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sebab kelewatan penyiapan seperti dimaklumkan oleh agensi pelaksana. Selain itu, ketiadaan kelulusan EOT secara bertulis juga menyebabkan kontraktor tidak dikenakan LAD terhadap kelewatan.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari 2023

Penelitian semula bagi tempoh pelaksanaan PPRT dengan mengambil kira setiap aliran proses kerja bermula tapisan permohonan sehingga kelulusan melalui pengeluaran Surat Arahan Pelaksanaan (SAP) akan diteliti bersama Agensi-agensi Pelaksana. Perkara ini akan diselaraskan bagi pelaksanaan PPRT tahun 2023. Penambahbaikan tatacara pelaksanaan PPRT yang akan dilaksanakan adalah

bersifat menyeluruh bagi pelaksanaan PPRT. Ia merangkumi pengiraan tempoh penyiapan projek bermula pengeluaran Surat Setuju Terima kepada kontraktor sehingga projek siap; permohonan EOT bagi projek lewat jadual; bayaran LAD bagi projek yang melebihi tempoh siap projek; penyediaan senarai semak kepada penerima PPRT bagi tujuan Tempoh Tanggungan Kecacatan dan mekanisme pemantauan projek.

5.1.1.2. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

- a. Perenggan 4.3, Tatacara PLKK (berkuatkuasa mulai tahun 2019) menyatakan agensi pelaksana hendaklah memastikan 70% peserta yang dilatih mendapat jaminan pekerjaan.
- b. Analisis Audit mendapati seramai 17,210 (119.5%) peserta telah berjaya menghadiri latihan berbanding 15,221 peserta yang diluluskan. **Pencapaian pelaksanaan latihan PLKK mulai tahun 2016 hingga 2022 adalah baik iaitu antara 100% hingga 210.6%.**
- c. Semakan lanjut terhadap data peserta mendapati pencapaian keseluruhan program PLKK bagi tahun 2016 hingga 2021 daripada 14,986 peserta yang menghadiri latihan seramai 10,591 (70.7%) peserta telah mendapat tawaran pekerjaan berbanding 4,395 (29.3%) yang masih belum mendapat tawaran pekerjaan. Prestasi pencapaian tahunan bagi tahun 2019 hingga 2021 juga didapati adalah baik kerana pencapaian melebihi sasaran dengan pencapaian antara 90.6% hingga 98.8%. Bagi tahun 2022, prestasi pencapaian peserta yang telah mendapat pekerjaan masih belum dapat diukur kerana 1,047 (47.1%) daripada 2,224 peserta masih belum menamatkan latihan. Butiran lanjut pencapaian dan prestasi pelaksanaan program PLKK adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PELAKSANAAN PROGRAM PLKK BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022

TAHUN	BILANGAN PROGRAM			BILANGAN PESERTA					
	KELULUSAN	LAKSANA	PERATUS LAKSANA (%)	KELULUSAN	LAKSANA	PERATUS LAKSANA (%)	BEKERJA	TIDAK BEKERJA	PERATUS PESERTA BEKERJA (%)
2016	186	186	100	3,406	3,416	100.3	1,935	1,481	56.6
2017	218	218	100	1,789	3,768	210.6	1,597	2,171	42.4
2018	52	52	100	1,096	1,096	100	778	318	71.0
2019	197	197	100	2,348	2,348	100	2,319	29	98.8
2020	93	93	100	2,066	2,066	100	1,872	194	90.6

TAHUN	BILANGAN PROGRAM			BILANGAN PESERTA					
	KELULUSAN	LAKSANA	PERATUS LAKSANA (%)	KELULUSAN	LAKSANA	PERATUS LAKSANA (%)	BEKERJA	TIDAK BEKERJA	PERATUS PESERTA BEKERJA (%)
2021	161	161	100	2,292	2,292	100	2,090	202	91.2
2022	197	197	100	2,224	2,224	100	-	-	-
JUMLAH	1,104	1,104	100	15,221	17,210	113.1	10,591	4,395	70.7*

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW


Nota: (*) - Peratus Peserta Bekerja Keseluruhan Dikira Berdasarkan Bilangan Peserta Melibatkan Pelaksanaan Hingga Tahun 2021 Iaitu Seramai 14,986 Peserta

Maklum balas KKDW yang diterima pada 12 April 2023

Bagi tahun 2022, seramai 1,047 peserta daripada 1,060 peserta belum mendapat pekerjaan kerana masih belum menamatkan latihan (sehingga April 2023). Hanya 13 peserta yang telah menamatkan latihan dan belum mendapat pekerjaan.

- d. Berdasarkan sampel Audit yang melibatkan 1,547 peserta PLKK, didapati jenis kursus yang paling tinggi disertai ialah pembinaan dan kejuruteraan iaitu seramai 319 (20.6%) peserta, diikuti oleh kesihatan dan kecantikan seramai 289 (18.7%) peserta serta fesyen dan tekstil 278 (18%) peserta. Jenis kursus yang disertai oleh peserta berdasarkan sampel Audit adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
PECAHAN BILANGAN PESERTA MENGIKUT KURSUS YANG DITAWARKAN
BERDASARKAN SAMPEL AUDIT



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober dan 25 November 2022

Perubahan bilangan peserta sebenar PLKK adalah disebabkan terdapat program yang dirancang untuk dilaksanakan tetapi telah ditangguhkan/belum dilaksanakan. Penetapan KPI pada awal tahun adalah berdasarkan unjuran pelaksanaan program jangka pendek (kurang enam bulan) dan jangka sederhana (lebih enam bulan dan kurang 12 bulan) yang melibatkan kos berbeza. Namun, sebahagian besar program latihan yang diluluskan khususnya bagi tempoh 2019 hingga 2021 adalah berjangka masa pendek (tiga hingga empat bulan) dengan kos yang lebih rendah bagi memastikan adanya jaminan pekerjaan oleh majikan.

KKDW telah mengambil inisiatif untuk menambah baik pelaksanaan PLKK iaitu mulai tahun 2019, kaedah pelaksanaan diubah suai dengan penyaluran kepada agensi pelaksana dibuat berdasarkan kepada projek/program yang diluluskan oleh jawatankuasa di peringkat Kementerian. Selain itu, bermula April 2022, KKDW telah mewujudkan Pangkalan Data Pelaksanaan PLKK melalui *Google Site* PLKK KKDW di mana data PLKK dikunci masuk melalui aplikasi *Google Sheet* oleh pihak KKDW dan agensi.

5.1.1.3. Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Pegawai Pengawal telah meluluskan sasaran awal seramai 6,900 peserta PPP bagi tahun 2016 hingga 2022. Analisis Audit mendapati seramai 6,820 peserta atau 98.8% telah berjaya dibantu melalui program PPP berbanding sasaran awal seramai 6,900 peserta. Pencapaian tahunan prestasi pelaksanaan PPP setiap tahun mulai tahun 2016 hingga 2022 adalah antara 80.5% hingga 137.3%.

Secara keseluruhan prestasi program PPP adalah baik. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7
PENCAPAIAN PROGRAM PPP BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

TEMPOH	RMKe-11						RMKe-12		JUMLAH
	TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	
Kelulusan Peserta di Peringkat Kementerian (Berdasarkan SAP)	1,067	526	819	816	1,897	825	950	6,900	
Bilangan Peserta Sebenar Agensi Pelaksana	1,007	496	659	799	1,790	765	1,304	6,820	
PRESTASI PROGRAM (%)	94.4	94.3	80.5	97.9	94.4	92.7	137.3	98.8	

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober dan 25 November 2022

Asas penetapan agihan peruntukan dengan bilangan peserta ditetapkan dalam Mesyuarat Penilaian dan Perakuan PPP yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) atau Setiausaha Bahagian (Kesejahteraan Rakyat). Cadangan peserta akan dikemukakan melalui agensi pelaksana untuk dipertimbangkan. Pengurusan KKDW pada tahun 2017 dan 2018 telah memutuskan supaya siling bantuan PPP kepada peserta ditetapkan pada RM5,000 setiap penerima. Ini bagi membolehkan lebih ramai penerima mendapat bantuan. Namun begitu, keputusan ini tidak diteruskan pada tahun 2019 setelah KKDW menambah baik kaedah pelaksanaan dengan inisiatif menetapkan sasaran peningkatan pendapatan sebanyak 30% daripada pendapatan asal peserta.

Pendapat Audit | **Pencapaian output bagi program SPKR adalah baik kerana program PPRT, PLKK dan PPP telah mencapai sasaran ditetapkan.**


5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

- a. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan melalui Penilaian Keberhasilan menetapkan kementerian/jabatan/agensi membuat penilaian dan impak terhadap sesuatu program/projek pembangunan yang dilaksanakan.
- b. Pihak Audit dimaklumkan bahawa **KKDW tidak pernah melaksanakan kajian pencapaian keberhasilan bagi PPRT, PLKK dan PPP**. Ini menyebabkan KKDW tidak dapat menilai pencapaian keberhasilan program SPKR yang telah dimulakan sejak RMKe-10. Pihak KKDW juga tidak dapat mengemukakan maklumat berkaitan untuk menilai pencapaian keberhasilan keberkesanan pelaksanaan PPRT, data peningkatan pendapatan peserta PLKK dan PPP selepas tamat program SPKR.
- c. Bagi tujuan penilaian keberhasilan program, pihak Audit mengambil inisiatif membuat soal selidik dan diedarkan kepada peserta program SPKR yang terpilih mengikut komponen PPRT, PLKK dan PPP. Aspek penilaian merangkumi pencapaian objektif program iaitu untuk memastikan kumpulan sasar [miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah (B40)] di luar bandar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.

5.1.2.1. Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

- a. Objektif program PPRT adalah untuk meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasar dengan memberikan bantuan membaik pulih rumah atau membina baharu rumah bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa sebagai asas pertumbuhan sesebuah keluarga.
- b. Pihak Audit telah memilih sebanyak 270 peserta PPRT (0.4% daripada 72,032 penerima bantuan PPRT sehingga tahun 2021) untuk membuat lawatan fizikal pada bulan Mei dan Jun 2022. Bagaimanapun, pihak Audit hanya berjaya menemu bual 243 penerima untuk edaran borang soal selidik kerana 27 peserta tiada semasa lawatan atau telah meninggal dunia. Penerima yang berjaya ditemu bual terdiri daripada 117 penerima (1.1% daripada 10,691 penerima) rumah bina baharu dan 126 penerima (0.2% daripada 61,341 penerima) bantuan baik pulih rumah.
- c. Berdasarkan borang soal selidik penerima bantuan, pihak Audit mendapati penerima PPRT telah berpuas hati dengan bantuan yang telah diberikan dari segi kualiti rumah, kerja baik pulih dan kediaman yang selamat serta selesa. Butiran tahap kepuasan penerima bantuan terhadap program PPRT adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3
KEPUASAN PENERIMA PPRT BERDASARKAN 243 RESPONDEN**



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara


5.1.2.2. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

- a. Objektif program PLKK dilaksanakan bertujuan meningkatkan kemahiran kumpulan sasar supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih

tinggi dan seterusnya mengeluarkan mereka serta keluarga dari belenggu kemiskinan.

- b. Bagi menentukan pencapaian keberhasilan program PLKK bagi kumpulan sasar PLKK di luar bandar dalam meneruskan kelangsungan hidup, soal selidik secara dalam talian telah dihantar secara rawak. Responden adalah peserta yang telah mengikuti Kursus PLKK dalam kursus yang berbeza-beza dalam tempoh RMKe-11 dan tahun 2021.
- c. Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap maklum balas soal selidik yang diterima daripada 160 peserta (1.1% daripada 14,986 peserta PLKK sehingga tahun 2021), didapati 121 (75.6%) peserta telah mendapat pekerjaan selepas kursus berbanding 103 (64.4%) peserta sebelum mengikuti kursus PLKK. Hasil analisis adalah seperti dalam **Carta 4**.


CARTA 4
KELANGSUNGAN HIDUP KUMPULAN SASAR DI LUAR BANDAR
– PESERTA MEMPUNYAI PEKERJAAN



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

- d. Status semasa peserta pada 15 Ogos 2022, seramai 129 (80.6%) peserta PLKK berkenaan masih bekerja dengan pendapatan antara RM300 hingga RM5,000. Seramai 29 peserta bekerja sendiri dan 100 peserta bekerja dengan majikan. Hasil analisis adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KELANGSUNGAN HIDUP KUMPULAN SASAR DI LUAR BANDAR
- PENDAPATAN PESERTA PLKK



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

5.1.2.3. Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

- Objektif pelaksanaan PPP adalah untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar luar bandar. Berdasarkan SAP yang dikeluarkan kepada agensi pelaksana, perenggan 4(iv) menyatakan agensi pelaksana perlu memastikan pendapatan para peserta meningkat sekurang-kurangnya 30% dalam masa setahun selepas menerima peralatan.
- Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik secara manual semasa lawatan Audit dan secara dalam talian. Seramai 180 responden (3.3% daripada 5,516 peserta PPP sehingga tahun 2021) telah memberi maklum balas terhadap kajian soal selidik mengenai PPP. Analisis Audit terhadap 180 responden mendapati 170 (94.4%) peserta telah dapat meningkatkan pendapatan manakala 10 peserta lagi tiada peningkatan pendapatan. Analisis selanjutnya terhadap 170 peserta mendapati peratus peningkatan pendapatan bagi 165 (97.1%) peserta adalah melebihi 30% seperti yang disasarkan dan daripada jumlah tersebut 105 (61.8%) peserta memperoleh peratus peningkatan pendapatan melebihi 100%. Maklumat lanjut peningkatan pendapatan peserta PPP adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERATUS PENINGKATAN PENDAPATAN PESERTA PPP

PERATUS PENINGKATAN PENDAPATAN PESERTA (%)	BILANGAN (PESERTA)	PERATUS PESERTA (%)
1.0 – 29.9*	5	2.9
30.0 – 99.9	60	35.3
Melebihi 100	105	61.8
JUMLAH	170	100

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Peratus Minimum Peningkatan Pendapatan Peserta Berdasarkan Soal Selidik yang Dibuat ialah 14.3%

- c. **Pihak Audit mendapati bahawa objektif pelaksanaan PPP untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar luar bandar telah dapat dicapai.**

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari dan 12 April 2023

Pihak BKR, KKDW mencadangkan kajian keberhasilan/impak akan dibuat pada *Rolling Plan* 4 Tahun 2024. Sehubungan itu, permohonan bajet bagi kajian keberhasilan ini dijangka akan dibentang/dikemukakan pada bulan Mac 2023.

Permohonan peruntukan untuk kajian keberhasilan SPKR dipohon melalui INFRA, KKDW yang menguruskan semua kajian-kajian di bawah KKDW. Proses permohonan *Rolling Plan* ke-4 masih sedang berlangsung.

Pendapat Audit	Program SPKR berjaya memberikan impak dari segi keselesaan dan keselamatan tempat tinggal serta membantu meningkatkan kemahiran peserta untuk menambah/mempunyai pendapatan.
-------------------	---

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Prestasi Kewangan

5.2.1.1. Prestasi Agihan Peruntukan Kementerian

- a. Perbelanjaan bagi Program SPKR dibuat menggunakan Peruntukan Pembangunan. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, PB 1.2 (Anggaran Perbelanjaan Persekutuan), Pegawai Pengawal dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Semakan Audit mendapati KKDW telah menerima kelulusan peruntukan berjumlah RM2.215 bilion untuk pelaksanaan program SPKR bagi

tahun 2016 hingga 2022. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.033 bilion (91.8%) telah dibelanjakan. Perbelanjaan yang direkodkan oleh KKDW ini merupakan penyaluran kepada agensi pelaksana yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program.

- b. Analisis Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan yang direkodkan bagi setiap program adalah baik di mana peratus penyaluran peruntukan setiap tahun bagi setiap program melebihi 95% kecuali bagi penyaluran program PPRT pada tahun 2019 hingga 2021 dan program PLKK pada tahun 2021 iaitu antara 71.8% hingga 94.9%. Prestasi penyaluran peruntukan yang rendah tersebut antaranya disebabkankekangan yang berlaku semasa Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan pada tahun 2020 dan 2021. Akibatnya, manfaat daripada program SPKR ini tidak dapat dinikmati oleh lebih ramai golongan sasar. Maklumat prestasi mengikut pelaksanaan program adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PRESTASI PENYALURAN PERUNTUKAN PROGRAM SPKR
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2022

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PENYALURAN SAP KEPADAGENSI PELAKSANA (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN TIDAK DISALURKAN (RM Juta)	PERATUS PENYALURAN (%)
PPRT				
2016	274.80	274.40	0.40	99.9
2017	333.10	332.98	0.12	100
2018	271.60	271.60	-	100
2019	200.00	189.82	10.18	94.9
2020	264.19	196.82	67.37	74.5
2021	355.00	254.75	100.25	71.8
2022	361.10	361.10	-	100.0
JUMLAH	2,059.79	1,881.47	178.32	91.3
PLKK				
2016	25.00	23.84	1.16	95.4
2017	20.00	19.86	0.14	99.3
2018	10.00	9.86	0.14	98.6
2019	10.00	9.62	0.38	96.2
2020	8.80	8.57	0.23	97.4
2021	10.00	8.82	1.18	88.2
2022	10.00	9.97	0.03	99.7
JUMLAH	93.80	90.54	3.26	96.5
PPP				
2016	10.00	10.00	-	100
2017	5.00	5.00	-	100
2018	5.00	5.00	-	100
2019	7.00	7.00	-	100

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PENYALURAN SAP KEPADAGENSI PELAKSANA (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN TIDAK DISALURKAN (RM Juta)	PERATUS PENYALURAN (%)
2020	17.00	17.00	-	100
2021	7.00	7.00	-	100
2022	10.00	10.00	-	100
JUMLAH	61.00	61.00	-	100
JUMLAH KESELURUHAN	2,214.59	2,033.01	181.58	91.8

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari 2023

Kelulusan tahunan disediakan pada awal tahun berdasarkan prestasi tahun sebelum dan belum mengambil kira situasi yang berlaku pada tahun pelaksanaan. Perancangan/kelulusan awal ini secara umumnya untuk menentukan hala tuju pelaksanaan pada tahun berkenaan. Selain itu, terdapat sekatan belanja/pemulangan peruntukan kepada Kementerian Kewangan disebabkan terdapat keperluan untuk projek/program lain atau halangan pelaksanaan seperti semasa tempoh kawalan pergerakan. Terdapat juga keperluan *Notice of Change* (NOC) peruntukan bagi perubahan agihan negeri dan skop bantuan.

5.2.1.2. Peruntukan dan Perbelanjaan Kewangan

- Bagi peringkat seterusnya, agensi pelaksana menerima peruntukan yang diberikan oleh pihak KKDW bagi tujuan pelaksanaan projek/program PPRT, PLKK dan PPP. Peruntukan ini diterima berdasarkan kepada SAP yang dikeluarkan oleh KKDW. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022, sejumlah RM1,915.85 juta telah disalurkan kepada tujuh agensi pelaksana yang diaudit (GIATMARA, KEDA, KESEDAR, FELCRA, JAKOA, M-FICORD dan KPLBS) dan RM1,696.79 juta (88.6%) telah dibelanjakan. Baki peruntukan yang masih berada di peringkat agensi pelaksana sehingga bulan Disember 2022 berjumlah RM219.06 juta (11.4%). Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan pegawai, didapati peruntukan yang disimpan oleh agensi pelaksana ini terdiri daripada komitmen program yang dilaksanakan dan masih belum dibayar, peruntukan yang belum dibelanjakan disebabkan program belum dilaksanakan/dibatalkan dan penjimatan daripada program yang telah dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENYALURAN PERUNTUKAN OLEH KEMENTERIAN DAN PERBELANJAAN SEBENAR
OLEH AGENSI PELAKSANA UNTUK PELAKSANAAN PPRT, PLKK DAN PPP BAGI
TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2022

AGENSI	PENYALURAN PERUNTUKAN KEMENTERIAN YANG DITERIMA OLEH AGENSI PELAKSANA (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR OLEH AGENSI PELAKSANA (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN/ (LEBIH BELANJA) (RM Juta)	PERATUS TIDAK DIBELANJAKAN/ (LEBIH BELANJA) (%)
	(a)	(b)	(a) - (b)	
PPRT				
GIATMARA	1,020.97	955.44	65.53	6.4
KEDA	59.21	56.17	3.04	5.1
KESEDAR	54.65	41.81	12.84	23.5
FELCRA	96.24	81.83	14.41	15.0
JAKOA	17.02	16.64	0.38	2.2
M-FICORD – GIATMARA Pembayar	122.42	68.23	54.19	44.3
M-FICORD – FELCRA Pembayar	232.16	226.23	5.93	2.6
KPLBS – GIATMARA Pembayar	86.97	53.00	33.97	39.1
KPLBS – FELCRA Pembayar	101.45	96.85	4.60	4.5
JUMLAH	1,791.09	1,596.20	194.89	10.9
PLKK				
GIATMARA	27.93	24.24	3.69	13.2
KEDA	4.33	4.22	0.11	2.5
KESEDAR	3.82	3.32	0.50	13.2
FELCRA	36.09	29.99	6.10	16.9
JAKOA	2.96	2.00	0.96	32.4
JUMLAH	75.13	63.77	11.36	15.1
PPP				
GIATMARA	29.09	19.01	10.08	34.7
KEDA	4.06	4.04	0.02	0.5
KESEDAR	3.44	3.34	0.10	2.9
FELCRA/FTC	12.93	10.33	2.60	20.1
JAKOA	0.11	0.10	0.01	9.1
JUMLAH	49.63	36.82	12.81	25.8
JUMLAH KESELURUHAN	1,915.85	1,696.79	219.06	11.4

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW dan Agenzi Pelaksana

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati SAP yang dikeluarkan kepada agensi tidak memperincikan mengenai tindakan yang sepatutnya diambil oleh pihak agensi sekiranya terdapat lebihan peruntukan SPKR yang disalurkan disebabkan penjimatan atau pembatalan projek/program. Ini menyebabkan

lebihan peruntukan tersebut tidak digunakan bagi membantu lebih ramai golongan sasar.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober, 25 November, 21 Disember 2022, 13 Januari dan 12 April 2023

Baki belum belanja oleh agensi merujuk kepada penjimatan daripada pelaksanaan projek (penyaluran peruntukan dibuat berdasarkan kadar siling, namun pelaksanaan adalah berdasarkan kos sebenar); projek-projek yang disiapkan melangkaui tahun atau dibatalkan disebabkan faktor-faktor tertentu seperti status pemilikan tanah belum selesai, kelulusan SAP pada akhir tahun dan Perintah Kawalan Pergerakan; serta tuntutan belum diterima daripada kontraktor. Bagi peruntukan/baki yang tiada komitmen, KKDW akan membuat penambahan unit berdasarkan keperluan tertentu/khas. Selain itu, baki peruntukan dilaporkan dalam Jawatankuasa Pemantauan Peruntukan Agensi Pelaksana/Pembayar. Baki peruntukan yang belum dibelanja pada akhir tahun 2022 merupakan baki komited bagi projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan dan belum siap.

Pendapat Audit	Prestasi penyaluran peruntukan SPKR kepada agensi pelaksana adalah baik. Bagaimanapun, terdapat lebihan peruntukan di peringkat agensi pelaksana yang boleh dimanfaatkan oleh KKDW untuk penerima/peserta program SPKR lain.
-----------------------	---

5.2.2. Pengurusan Program PPRT

Pengurusan Program PPRT (rumah bina baharu dan baik pulih) dinilai berdasarkan permohonan, kelulusan, pelaksanaan, pemantauan dan penyerahan projek. Secara keseluruhannya, pengurusan program PPRT adalah baik kecuali bagi perkara-perkara seperti berikut:


5.2.2.1. Pelaksanaan Pembinaan/Baik Pulih PPRT

a. Reka Bentuk Peranti Arus Baki pada Papan Agihan Elektrik

- i. Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (Semenanjung dan Sabah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga dan The Electricity Rules 1999 (Sarawak) yang dikeluarkan oleh Kementerian Utiliti Sarawak menyatakan dua Peranti Arus Baki (PAB) yang berkepekaan 100miliampere (mA) dan 30mA perlu dipasang kerana terdapat litar lampu, kipas dan soket pada Papan Agihan Elektrik rumah PPRT. Semakan Audit terhadap lukisan elektrik yang direka bentuk oleh Bahagian Teknikal KKDW hanya


menggunakan satu sahaja PAB berkepekaan 100mA untuk litar lampu, kipas dan soket pada Papan Agihan Elektrik bagi rumah PPRT seperti dalam **Gambar 1**. Selain itu, lukisan Syarikat Pengeluar IBS pula hanya menggunakan PAB berkepekaan 30mA sahaja seperti dalam **Gambar 2**.

GAMBAR 1



Peranti Arus Baki (PAB) berkepekaan 100mA pada Papan Agihan Elektrik
Lukisan Piawai KKDW Batu Bata (No. Lukisan: KKLW.BKR/PBR/01/10, Jan 2017) dan
Lukisan Piawai KKDW Papan (No. Lukisan: KKLW.J.BKR/PBR/01/10, Ogos 2017)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Peranti Arus Baki (PAB) Berkepekaan 30mA pada Papan Agihan Elektrik
Lukisan Syarikat Pengeluar IBS (No. Lukisan: LP908, Nov 2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Berdasarkan pemeriksaan fizikal Audit terhadap **87 unit rumah bina baharu bagi menentukan pematuhananya terhadap peraturan-peraturan elektrik, didapati kesemua rumah hanya menggunakan satu sahaja Peranti Arus Baki (PAB) berkepekaan 100 miliampere (mA) untuk litar soket, lampu**


dan kipas seperti dalam **Jadual 11** dan **Gambar 3** hingga **Gambar 5**. Penggunaan satu PAB ini boleh menyebabkan penghuni terdedah kepada risiko renjatan elektrik apabila berlaku kebocoran arus elektrik.

JADUAL 11
PEMASANGAN PAB DI RUMAH PPRT TIDAK MEMATUHI
PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK DI MALAYSIA

BIL.	NEGERI	AGENSI PELAKSANA	BIL. SAMPEL RUMAH PPRT YANG DIAUDIT PAB	KEPEKAAN PAB YANG DI PASANG DI RUMAH PPRT YANG SIAP DIBINA [DIPASANG (✓) / TIDAK DIPASANG (✗)]	
				30mA	100mA
1.	Sabah	GIATMARA	19	✗	✓
		KPLBS	12	✗	✓
2.	Sarawak	GIATMARA	8	✗	✓
		M-FICORD	6	✗	✓
3.	Kelantan	GIATMARA	11	✗	✓
		KESEDAR	4	✗	✓
4.	Kedah	GIATMARA	5	✗	✓
		KEDA	7	✗	✓
5.	Perak	GIATMARA	4	✗	✓
6.	Selangor	GIATMARA	11	✗	✓
JUMLAH			87		

Sumber: Lawatan Fizikal Audit


GAMBAR 3



Bandar Baharu, Kedah


- Tiada Peranti Arus Baki (PAB) Berkepekaan 30mA pada Papan Agihan Elektrik Seperti Kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia
- Agensi Pelaksana: KEDA
- (19.05.2022)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Langkawi, Kedah

- Tiada Peranti Arus Baki (PAB) Berkepekaan 30mA pada Papan Agihan Elektrik Seperti Kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia
- Agensi Pelaksana: GIATMARA
- (25.05.2022)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 5

Kota Belud, Sabah

- Tiada Peranti Arus Baki (PAB) Berkepekaan 30mA pada Papan Agihan Elektrik Seperti Kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia
Agensi Pelaksana: KPLB Sabah
(14.06.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KKDW yang diterima pada 25 November 2022 dan 12 April 2023

Bagi pelaksanaan PPRT yang menggunakan kaedah IBS, KKDW akan mengarahkan semua agensi pelaksana untuk mengguna pakai lukisan piawaian elektrik yang telah dipinda seperti di atas semasa edaran lukisan tersebut. Ini bagi menyelaraskan pematuhan terhadap Peraturan-peraturan Elektrik 1994 berkaitan PAB dalam pelaksanaan program PPRT oleh KKDW.


Pindaan terhadap lukisan piawaian elektrik telah dibuat pada Mac 2023. (Rujukan No. lukisan: KPLB.J.BKR/PPRT-BB3/01/PINDAAN 01, No. Helaian: E01, No. Fail: KPLB.J.600-2/1). Ini untuk mengadakan dua PAB iaitu yang berkadaran 100mA untuk litar lampu/kipas dan berkadaran 30mA untuk litar soket sebagai mematuhi kehendak Peraturan-peraturan Elektrik 1994. Lukisan berkenaan telah dibentang dan diedarkan kepada semua agensi pelaksana PPRT dalam Mesyuarat Penyelarasian PPRT Bil. 1/2023 yang telah diadakan pada 15 Mac 2023 di Kuantan, Pahang.

Pendapat Audit	Papan Agihan Elektrik bagi rumah PPRT perlu dilengkapi dengan PAB berkepekaan 30mA (litar soket) dan 100mA (litar lampu dan kipas) selaras dengan Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia.
-----------------------	--

b. Kelengkapan Elektrik bagi Rumah Bina Baharu

- i. Kelengkapan elektrik bagi rumah PPRT hendaklah dibuat oleh kontraktor mengikut spesifikasi dan Lukisan Piawai yang dikeluarkan oleh KKDW. Bagi skop elektrik, ia meliputi meter elektrik, papan agihan elektrik, *earthing* dan kelengkapan elektrik (mata kipas, kipas, lampu pendarfluor dan soket alir keluar) hendaklah dipatuhi seperti dalam **Rajah 4**.

RAJAH 4
LUKISAN PIAWAI SKOP ELEKTRIK



Sumber: Lukisan Piawai KKDW (susun atur dan pemasangan elektrik) No. Lukisan KKLW.BKR/PBR/01/10Jan2017


- ii. Semakan Audit terhadap 87 unit rumah bina baharu mendapati sebanyak **57 unit rumah bina baharu tidak mematuhi lukisan piawai bagi skop komponen papan agihan elektrik, satu unit skop earthing dan 42 unit skop kelengkapan elektrik.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12** dan contoh penemuan Audit seperti dalam **Gambar 6** hingga **Gambar 16.**

JADUAL 12
KETIDAKPATUHAN KEPADA LUKISAN PIAWAI/IBS BAGI SKOP ELEKTRIK


BIL.	NEGERI	REKABENTUK KELENGKAPAN ELEKTRIK YANG TIDAK MEMATUHI LUKISAN (PIAWAI/IBS) BAGI PEMASANGAN SKOP ELEKTRIK				
		KOMPONEN PAPAN AGIHAN ELEKTRIK (MCCB, RCCB, MCB)	EARTHING	BIL. MATA KIPAS (5 POINT)	BIL. LAMPU PENDARFLUOR 1X36W (8 UNIT)	BIL. SOKET ALIR KELUAR 13A (8 UNIT)
1.	Sarawak	9	-	1	-	-
2.	Sabah	25	1	11	10	10
3.	Selangor	2	-	1	-	-
4.	Perak	1	-	-	-	-
5.	Kedah	12	-	3	1	1
6.	Kelantan	8	-	4	-	-
		57	1	20	11	11

Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: MCCB - Moulded Case Circuit Breaker; RCCB - Residual Current Circuit Breaker; MCB – Miniature Circuit Breaker.

GAMBAR 6


Kuala Krai, Kelantan
 - Komponen MCCB, MCB dan RCCB Pada Papan Agihan Elektrik Tidak Mematuhi Lukisan Elektrik
 Agensi Pelaksana: KESEDAR
 (18.05.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7


Serian, Sarawak
 - Komponen MCCB, MCB dan RCCB Pada Papan Agihan Elektrik Tidak Mematuhi Lukisan Elektrik
 Agensi Pelaksana: M-FICORD
 (22.06.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8


Tumpat, Kelantan
 - Mata Kipas Tidak Dipasang di Ruang Makan
 Agensi Pelaksana: GIATMARA
 (23.05.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9

Tumpat, Kelantan
 - Mata Kipas Telah Dipasang di Ruang Makan
 Selepas Teguran Audit
 Agensi Pelaksana: GIATMARA
 (31.05.2023)
 (Sumber: GIATMARA)


GAMBAR 10

Tumpat, Kelantan
 - Mata Kipas Tidak Dipasang di Dalam Bilik Tidur
 Agensi Pelaksana: GIATMARA
 (23.05.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11


Tumpat, Kelantan
 - Mata Kipas Telah Dipasang di Dalam Bilik Tidur
 Setelah Teguran Audit
 Agensi Pelaksana: GIATMARA
 (31.05.2023)
 (Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 12



Nabawan, Sabah
- Soket Aliran Keluar 13A Sepatutnya Dipasang 2 Unit Seperti Dalam Lukisan Piawai
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(21.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Nabawan, Sabah
- Soket Aliran Keluar 13A Telah Dipasang 2 Unit Seperti Dalam Lukisan Piawai Setelah Teguran Audit (13.12.2022)
(Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 14



Kota Kinabalu, Sabah
- Soket Aliran Keluar 13A Sepatutnya Dipasang 1 Unit Seperti Dalam Lukisan Piawai
Agensi Pelaksana: KPLB Sabah
(13.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



Kota Kinabalu, Sabah
- Soket Aliran Keluar 13A Telah Dipasang 1 Unit Seperti Dalam Lukisan Piawai
Agensi Pelaksana: KPLB Sabah
(13.12.2022)
(Sumber: KPLB Sabah)

GAMBAR 16



Nabawan, Sabah
- Earthing Tidak Ditanam ke Dalam Tanah
(21.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Ketidakpatuhan ini disebabkan tiada pegawai teknikal bertauliah bagi memantau kerja-kerja teknikal elektrik. Kesannya, penerima tidak mendapat manfaat kelengkapan elektrik yang mencukupi dan terpaksa menghadkan penggunaan elektrik.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober, 25 November 2022 dan 30 Mei 2023

KKDW akan membuat penambahbaikan proses kerja/senarai semak pembinaan PPRT secara menyeluruh. Pengemaskinian/Penambahbaikan Pelan Rumah PPRT termasuk kelengkapan elektrik telah dibuat pada bulan Mac 2023. (Rujukan No. lukisan: KPLB.J.BKR/PPRT-BB3/01 No. Fail: KKDW.TEK(S).700-3/6/3). Pelan berkenaan telah dibentang dan diedarkan kepada semua agensi pelaksana PPRT pada 15 Mac 2023.

Pihak Agensi telah diminta untuk memastikan pihak kontraktor mematuhi sepenuhnya lukisan piawaian yang baharu dalam pembinaan rumah PPRT. BKR, KKDW juga akan menyediakan Senarai Semak bagi tujuan pemantauan dan kepatuhan ke atas Pelan/ Lukisan Piawaian berkenaan bagi pembinaan rumah PPRT.

Maklum balas KPLBS yang diterima pada 21 Oktober dan 25 November 2022

Kerja elektrik dibuat oleh sub-kontraktor elektrik yang dilantik oleh kontraktor. Peralatan elektrik yang digunakan adalah bertanda/label SIRIM dan penyambungan bekalan elektrik ke rumah-rumah akan dipantau oleh pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. sebelum penyambungan dibuat.

Maklum balas KEDA yang diterima pada 31 Mei 2023

Tindakan telah diambil terhadap satu skop *earthing* yang tidak mematuhi skop dan pemasangan telah dibuat terhadap lima *point* kipas.

Pendapat Audit	Kelengkapan elektrik yang dibuat oleh kontraktor tidak mengikut lukisan piawai elektrik menyebabkan penerima tidak dapat menikmati manfaat kelengkapan elektrik yang mencukupi dan terpaksa menghadkan penggunaan peralatan elektrik di dalam rumah. Pembayaran penuh terhadap kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor juga merugikan Kerajaan.
-----------------------	--

c. *Shop Drawing* Pembinaan PPRT Jenis IBS

Perenggan 8.1 Tatacara Pelaksanaan PPRT menetapkan pelan lantai dan spesifikasi rumah bina baru rumah untuk kegunaan agensi pelaksana. Semakan Audit mendapati KKDW telah meluluskan empat lukisan piawaian jenis rumah batu bata konvensional. Bagaimanapun, **lukisan piawaian**

bagi IBS tidak disediakan dan pembinaan menggunakan jenis IBS hanya bergantung kepada *shop drawing* oleh pembekal.

Semakan Audit selanjutnya mendapati perincian spesifikasi skop pembinaan [saiz apron, binaan bumbung pisang sesikat (lean to roof), sistem aliran air hujan, tingkap dan kelengkapan dapur] *shop drawing* IBS yang dikeluarkan oleh pembekal tidak dinyatakan. Ini menyebabkan spesifikasi pembinaan yang menggunakan kaedah IBS tidak seragam. Selain itu, ia juga menyebabkan pemantauan kerja pembinaan oleh agensi pelaksana bagi mengesahkan pembinaan yang dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan sukar untuk dilaksanakan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
SENARAI LUKISAN PIAWAI KKDW DAN LUKISAN PIAWAI IBS

BIL.	JENIS PELAN	BATCH/TAHUN	SAIZ APRON	BINAAN BUMBUNG PISANG SESIKAT/ <i>LEAN TO ROOF</i>	SISTEM ALIRAN AIR HUJAN	TINGKAP	KELENGKAPAN DAPUR
PELAN JENIS IBS							
1.	IBS – UAC	September 2019	610	Tiada Perincian	<i>Gutter</i>	H-917+300 Fixed	Ada Perincian
2.	IBS- VISTA	April 2019	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian
3.	IBS- AAC BLOCK	Disember 2020	610	Tiada Perincian	<i>Gutter</i>	H-1200	Tiada Perincian
4.	IBS- AAC BLOCK	November 2020	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian	H-1200	Tiada Perincian
5.	IBS - BRISTEEL	Mei 2020	Tiada Perincian	<i>Metal Roof With Steel Truss System</i>	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian
6.	IBS - BRISTEEL	Disember 2019	Tiada Perincian	<i>Metal Roof With Steel Truss System</i>	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian
7.	IBS – AMCAN	Ogos 2021	610	Tiada Perincian	<i>Gutter</i>	H-1200	Perincian IBS Hanya <i>Stainless Steel</i> Tanpa Concrete Top

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari, 12 April dan 30 Mei 2023

Sesi perbincangan dengan Bahagian Teknikal, KKDW telah diadakan pada 5 Januari 2023 bagi menyemak semula lukisan-lukisan piawaian/pelan rumah PPRT sebagai sebahagian daripada tindakan penambahbaikan tatacara pelaksanaan PPRT, SPKR. Hasil perbincangan telah memutuskan agar Bahagian Teknikal, KKDW mengambil tindakan dengan menambah baik lukisan pelan bagi tiga jenis pelan PPRT dengan mengambil kira dapatkan pengauditan SPKR bagi Rumah Batu Bata, Rumah Papan dan Rumah Papan – Pembinaan Atas Air.

Pengemaskinian/Penambahbaikan Pelan Rumah PPRT telah dibuat pada Mac 2023. (Rujukan No. lukisan: KPLB.J.BKR/PPRT-BB3/01 No. Fail: KKDW.TEK(S).700-3/6/3). Pelan berkenaan telah dibentang dan diedarkan kepada semua agensi pelaksana PPRT dalam Mesyuarat Penyelarasan PPRT Bil. 1/2023 yang telah diadakan pada 15 Mac 2023 di Kuantan, Pahang.

BKR, KKDW telah mengadakan sesi taklimat teknikal Pelan/lukisan Piawaian Pembinaan Rumah PPRT yang baharu kepada syarikat-syarikat pembekal IBS pada 13 April 2023 melibatkan 15 pembekal. Lukisan teknikal secara konvensional dan nota perbincangan taklimat bersama pembekal IBS telah diedarkan pada 3 Mei 2023. Pembekal-pembekal IBS dikehendaki untuk mengemaskini lukisan teknikal berkenaan selaras dengan cara pembinaan IBS dan mengemukakan sebut harga kepada pihak KKDW sebelum atau pada 19 Mei 2023.

Pendapat Audit | **Lukisan piawai binaan IBS yang tidak terperinci telah menyebabkan ketidakseragaman skop binaan rumah dan menyukarkan pemantauan bagi menentukan sama ada skop binaan telah dipatuhi.**

5.2.2.2. Pemantauan PPRT

a. Penyerahan Rumah Bina Baharu yang Telah Siap Dibina

- i. Tempoh pelaksanaan rumah bina baharu adalah bergantung kepada tempoh yang ditetapkan di dalam surat tawaran pelaksanaan yang dikeluarkan oleh agensi pelaksana kepada kontraktor. Perenggan 11.3 Tatacara Pelaksanaan PPRT menetapkan projek PPRT yang telah siap hendaklah diserahkan segera kepada penerima bantuan. Semakan Audit mendapati **35 daripada 129 (27.1%) unit rumah bina baharu telah lewat diserahkan kepada penerima dengan tempoh kelewatan hingga 508 hari dari tarikh perakuan tahap kemajuan kerja hingga tarikh perakuan serahan siap kerja oleh penerima.**
- ii. Kelewatan penyerahan rumah bina baharu antaranya disebabkan isu urusan penyambungan elektrik dan air, kelewatan serahan dokumen oleh kontraktor, penyerahan dokumen yang tidak lengkap oleh penerima serta agensi teknikal lewat mengesahkan kerja. Kelewatan penyerahan rumah bina baharu yang telah siap menyebabkan penerima tidak dapat menikmati manfaat bantuan yang disalurkan mengikut tempoh yang dijanjikan.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober 2022, 25 November 2022 dan 13 Januari 2023

KKDW akan memastikan agensi mematuhi pelaksanaan PPRT dan melaksanakan bengkel bersama Pegawai Projek Khas bagi menambah baik pelaksanaan PPRT di peringkat negeri/daerah. Pihak BKR, KKDW akan membuat tindakan penambahbaikan Tatacara Pelaksanaan PPRT berkaitan urusan pengesahan perakuan tahap kerja. Antara cadangan yang akan dilaksanakan adalah menyediakan Senarai Semak yang akan diedarkan/diguna pakai oleh Agensi Pelaksana.

Penambahbaikan Tatacara Pelaksanaan PPRT telah dibincang dan disediakan untuk dibentangkan dalam Jawatankuasa Dasar Kementerian dalam tempoh yang terdekat.

Pendapat Audit | **Kelewatan penyerahan rumah yang telah siap perlu ditangani bagi memastikan penerima manfaat bantuan pada tempoh yang dijanjikan.**

b. Rekod Pembaikan Kecacatan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dan Mekanisme Aduan oleh Penerima Dalam Tempoh DLP

- i. Perenggan 10.1 Tatacara Pelaksanaan PPRT menyatakan Perakuan Siap Kerja/Penerimaan DLP untuk rumah bina baharu adalah selama enam bulan dan kerja-kerja baik pulih adalah selama satu bulan. Bagi tujuan pemantauan dan pelaporan pula, Perenggan 11.2 tatacara tersebut menyatakan bahawa agensi pelaksana hendaklah mengemukakan borang penyerahan rumah kepada penerima (Perakuan Serahan Siap Kerja) yang dilengkapkan dengan tarikh Certificate of Practical Completion (CPC).
- ii. Semakan Audit terhadap **Borang Perakuan Serahan Siap Kerja** yang digunakan oleh agensi pelaksana mendapati ia **tidak lengkap kerana tiada tarikh CPC**. Hal ini menyebabkan pihak Audit **tidak dapat menentukan tempoh DLP dan tidak dapat mengesahkan kerja pembaikan kecacatan dalam tempoh tersebut** untuk setiap projek PPRT yang telah dibina atau dibaik pulih.
- iii. Selain itu, pihak Audit turut mendapati **penerima bantuan rumah bina baharu atau baik pulih tidak dapat membuat aduan kerosakan dalam tempoh DLP kerana tiada mekanisme yang jelas ditetapkan**. Ini disebabkan Tatacara Pelaksanaan PPRT, Surat Tawaran/Arahan Pelaksanaan Kerja kepada kontraktor dan Perakuan Serahan Siap Kerja tidak menyatakan sebarang prosedur bagi melaporkan

kerosakan dalam tempoh DLP. Ketiadaan mekanisme aduan kerosakan dalam tempoh DLP ini akan merugikan penerima kerana penerima terpaksa menanggung sendiri kos pembaikan kerosakan.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober 2022 dan 13 Januari 2023

KPLBS akan meneliti dan menambahbaik proses ini seperti menyediakan senarai semak selepas rumah siap dan menambah maklumat dalam borang Perakuan Serahan Siap kerja. Sejak tahun 2019, rekod pemantauan projek PPRT secara *online* telah dilaksanakan. Bagaimanapun, pada tahun 2020 dan 2021 ia tidak dapat diteruskan kerana PKP. Pihak BKR, KKDW memberi perhatian ke atas proses penyerahan rumah PPRT kepada penerima yang kurang jelas khususnya berkaitan aduan kerosakan/kecacatan dalam tempoh DLP. Sehubungan itu, BKR KKDW akan meneliti penambahbaikan proses ini dalam tatacara pelaksanaan PPRT. Antara cadangan yang akan dilaksanakan adalah menyediakan senarai semak selepas rumah siap dan tambah baik maklumat dalam Borang Perakuan Serahan Siap Kerja.


Maklum balas KEDA yang diterima pada 31 Mei 2023

KEDA telah mewujudkan mekanisme bagi aduan berkenaan kerosakan.

Pendapat Audit | **Ketiadaan mekanisme aduan oleh agensi pelaksana menyukarkan penerima untuk membuat aduan kerosakan dalam tempoh DLP.**

5.2.2.3. Pemasangan Meter Elektrik bagi Rumah Bina Baharu


- a. Lukisan piawai bagi skop elektrik meliputi meter elektrik, papan agihan elektrik, *earthing* dan kelengkapan elektrik. Semakan Audit mendapati **20 daripada 129 (15.5%) unit rumah bina baharu yang telah siap dibina dan telah diserahkan kepada peserta PPRT tanpa pemasangan meter elektrik yang lengkap dari tarikh siap kerja antara 56 hingga 1,073 hari sehingga tarikh lawatan Audit.**
- b. Keadaan ini menyebabkan ketidaksesuaian kepada penerima, rumah yang diterima tidak dapat diduduki atau penerima menggunakan elektrik daripada rumah lama atau rumah jiran. Oleh itu penerima PPRT tidak dapat menikmati kemudahan dan kelengkapan elektrik yang disediakan oleh Kerajaan untuk keselesaan rakyat. Contoh penemuan seperti dalam **Gambar 17** hingga **Gambar 21.**

GAMBAR 17


Langkawi, Kedah
- Tiada Meter Elektrik Dipasang dan Tidak Diduduki oleh Peserta
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(25.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18

Langkawi, Kedah
- Meter Elektrik Telah Dipasang Pada 15 Jun 2022 dan Rumah Telah Diduduki oleh Peserta Selepas Teguran Audit
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(31.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19

Sri Aman, Sarawak
- Tiada Meter Elektrik Dipasang
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(20.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20

Sri Aman, Sarawak
- Pemasangan Meter Elektrik oleh Pihak Sarawak Energy (SESCO Berhad) Telah Dilaksanakan Pada 15 November 2022 Selepas Teguran Audit
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

**GAMBAR 21**

Nabawan, Sabah
- Tiada Meter Elektrik Dipasang dan Tidak Diduduki oleh Peserta Daerah
Agensi Pelaksana: KPLB Sabah
(21.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KPLBS yang diterima pada 21 Oktober 2022

Bayaran deposit telah dibayar kepada pihak utiliti dan dalam proses penyambungan elektrik oleh pihak terlibat.

Maklum balas GIATMARA yang diterima pada 21 Oktober 2022 dan 31 Mei 2023

Bayaran deposit telah dibayar kepada pihak utiliti. Sebahagian rumah masih dalam proses penyambungan elektrik. Sebahagian rumah juga telah siap dipasang meter elektrik dan telah diduduki oleh peserta. Pemasangan meter elektrik oleh pihak Sarawak Energy (SESCO Berhad) telah dilaksanakan pada 15 November 2022.

Pendapat Audit | **Meter elektrik yang tidak dipasang menyebabkan penerima tidak dapat menikmati kemudahan dan keselesaan daripada bantuan yang diberikan.**

5.2.3. Pengurusan Program PPP

Pengurusan Program PPP dinilai berdasarkan permohonan, kelulusan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Secara keseluruhannya, pengurusan program PPP adalah baik kecuali bagi perkara-perkara seperti berikut:

5.2.3.1. Bayaran Dividen Kepada Peserta Program PPP - Projek Hasil Ternakan Lembu

- a. Skop Program Peningkatan Hasil Pendapatan – Hasil Ternakan Lembu adalah untuk membantu menjana pendapatan bagi peserta melalui agihan dividen hasil penjualan ternakan oleh *technology provider*. Klausula 2.1 Memorandum Perjanjian FTC (5-501)2019(005) bertarikh 2 Disember 2019 menyatakan tanggungjawab Syarikat 637030-V adalah membantu peserta mendapatkan kenaikan pendapatan sekurang-kurangnya 30% dari asal dan membayar dividen minimum RM1,000 setahun selama tiga tahun (36 bulan) secara ansuran tiga kali setahun.
- b. Seramai 40 peserta PPP telah menyertai Projek Hasil Ternakan Lembu. Peserta dibahagikan kepada dua kumpulan (19 peserta dan 21 peserta) disebabkan berlaku penggantian peserta. Peserta-peserta ini layak menerima dividen sebagaimana ditetapkan di dalam perjanjian.
- c. Semakan Audit mendapati sehingga 9 Ogos 2022, **bagi tempoh tiga tahun, peserta hanya menerima dividen sebanyak satu hingga empat kali sahaja iaitu antara RM400 hingga RM1,600 berbanding minimum RM3,000 mengikut perjanjian**. Syarikat 637030-V juga didapati telah memohon penangguhan dividen kepada FTC

melalui surat bertarikh 3 April 2022. Pihak Pengurusan FTC pada 15 November 2022 telah bersetuju memberikan pelanjutan masa sehingga tahun 2025 dan meminta Syarikat 637030-V membuat penjadualan baharu agihan dividen kepada peserta dan akan disusuli dengan perjanjian tambahan. Pembayaran dividen yang tidak mengikut jadual ini menyebabkan kerugian kepada peserta kerana tidak mendapat manfaat hasil peningkatan pendapatan yang sepatutnya dinikmati mengikut tempoh yang dijanjikan.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari dan 30 Mei 2023

Pihak Syarikat 637030-V telah membuat aliran tunai dividen dan jadual penstruktur semula bayaran dividen bermula pada bulan Februari 2023 hingga Februari 2025.

Pihak FTC telah menerima surat pemakluman daripada pihak Syarikat 637030-V, no. rujukan: TMD/SRT0006/23, bertarikh 24 Mei 2023 bagi penangguhan pembayaran dividen kepada peserta Projek Hasil Ternakan Lembu disebabkan oleh masalah kewangan syarikat.

Pihak FTC melalui perbincangan bersama pihak Penasihat Undang-undang FELCRA Berhad pada 25 Mei 2023 telah bersetuju untuk:

- i. Tidak meluluskan permohonan penangguhan pembayaran dividen kepada peserta Projek Hasil Ternakan Lembu walaupun telah kemukakan jadual penstruktur semula pembayaran dividen bermula Februari 2023 sehingga Februari 2025.
- ii. Memulakan tindakan perundangan pada Jun 2023 ke atas Syarikat 637030-V kerana gagal membayar dividen mengikut jadual penstruktur semula bayaran dividen yang dijanjikan serta menfaillkan tuntutan atas baki dividen yang masih belum di bayar bagi Projek Hasil Ternakan Lembu.
- iii. Bahagian Undang-Undang FELCRA Berhad menyarankan pihak FTC untuk menyediakan kronologi dan mengumpul dokumen-dokumen berkaitan.

Pendapat Audit | Pembayaran dividen yang tidak mengikut jadual menyebabkan objektif program untuk meningkatkan pendapatan peserta tidak tercapai.

5.2.3.2. Bayaran Pendahuluan Kepada Pelaksana Program PPP - Projek Bekalan Peralatan dan Latihan Usahawan Pedaging

- a. Projek bekalan peralatan dan latihan usahawan pedaging telah dilaksanakan untuk membantu peserta menerima bantuan gerai, peralatan sembelihan, jualan daging dan modal pusingan untuk stok daging mentah. Setiap satu gerai akan dikongsi oleh dua orang peserta dengan nilai sejumlah RM18,000. Projek ini melibatkan 34 peserta dengan kos keseluruhan berjumlah RM306,000. Syarikat 637030-V telah dilantik sebagai pelaksana projek bekalan peralatan dan latihan usahawan pedaging dengan tempoh kontrak mulai 16 Disember 2019 hingga 17 Mei 2020. Berdasarkan perjanjian, bayaran kepada Syarikat 637030-V sebanyak tiga peringkat adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14			
JADUAL PEMBAYARAN KEPADA PELAKSANA PROJEK MENGIKUT PERINGKAT			
INVOIS	PERKARA	PERATUS (%)	BAYARAN (RM)
1	Bayaran pendahuluan	50	153,000
2	Tuntutan selepas penyerahan peralatan	30	91,800
3	Tuntutan selepas 6 bulan penyerahan	20	61,200
JUMLAH			306,000

Sumber: Perjanjian FTC dan Syarikat 637030-V

- b. Klausula 4.1 Bahagian Terma Bayaran dalam Syarat Kontrak Memorandum Perjanjian bersama Syarikat 637030-V bertarikh 24 Disember 2019 menyatakan 50% bayaran akan dibuat selepas tuntutan invois dikemukakan berserta senarai nama peserta, muka depan salinan kontrak dan invois asal.
- c. Semakan Audit mendapati, bayaran pendahuluan berjumlah RM153,000 telah dibuat kepada Syarikat 637030-V pada 26 Februari 2020. Tuntutan pembayaran tersebut dibuat bagi 17 unit gerai (34 peserta) dengan bayaran RM9,000 bagi setiap unit gerai (50% daripada RM18,000). Semakan Audit selanjutnya terhadap surat FTC kepada Syarikat 637030-V bertarikh 7 Julai 2022 mendapati **syarikat hanya melaksanakan program tersebut untuk lapan peserta sahaja** dan diminta untuk mencari peserta ganti yang berminat selewat-lewatnya pada 1 September 2022.
- d. Lebihan bayaran pendahuluan yang dibuat kepada syarikat mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan kerana peruntukan tersebut boleh digunakan untuk manfaat golongan sasar yang layak. Selain itu, program ini juga didapati tidak mampu mencapai objektif kerana bilangan peserta yang disasarkan tidak mendapat manfaat yang sepatutnya.

**Maklum balas FTC yang diterima pada 21 Oktober 2022,
25 November 2022, 13 Januari, 12 April dan 30 Mei 2023**

Pihak Syarikat 637030-V hanya melaksanakan projek tersebut seramai 8 orang sahaja daripada 34 orang dan tidak dapat menggantikan peserta-peserta lain yang telah menarik diri daripada projek ini. Pihak FTC akan mencadangkan penyambungan baki projek ini kepada syarikat penyedia yang lain untuk 26 orang.

Mesyuarat Pengurusan FTC pada 15 November 2022 telah memutuskan bagi projek usahawan pedaging jumlah peserta adalah 8 peserta dan baki 26 peserta akan dibatalkan. Pihak Syarikat 637030-V perlu membuat pemulangan semula berjumlah RM81,000 kepada FTC. Pihak FTC telah mengeluarkan surat arahan tuntutan bayaran balik pada 12 Disember 2022.

Pihak syarikat tidak dapat membuat bayaran semula sejumlah RM81,000 kepada FTC mengikut tempoh yang telah ditetapkan. FTC akan memulakan tindakan undang-undang terhadap pihak syarikat tersebut.

Pihak FTC telah menerima surat pemakluman daripada pihak Syarikat 637030-V, no. rujukan: TMD/SRT0006/23, bertarikh 24 Mei 2023 bagi pemulangan bagi peruntukan pelaksanaan program sebanyak RM81,000.00 disebabkan oleh masalah kewangan syarikat. Pihak FTC melalui perbincangan bersama pihak Penasihat Undang-undang FELCRA Berhad pada 25 Mei 2023 telah bersetuju untuk:

- i. Tidak meluluskan permohonan penangguhan pemulangan baki peruntukan sebanyak RM81,000 bagi Projek Bekalan Peralatan dan Latihan Usahawan Pedaging.
- ii. Baki RM81,000 tersebut akan dituntut semula melalui tindakan perundangan pada Jun 2023 kerana pihak Syarikat 637030-V gagal menyerahkan semula baki peruntukan mengikut tempoh masa yang telah diberikan oleh pihak FTC.
- iii. Selain itu, baki peruntukan projek sebanyak RM153,000 akan dibawa kepada mesyuarat JPPK PPP bagi kelulusan untuk pelaksanaan program baharu.

Pendapat Audit | Objektif program untuk meningkatkan pendapatan peserta tidak tercapai bagi 26 peserta kerana FTC hanya berjaya memberi bantuan kepada lapan peserta sahaja.

5.2.3.3. Penyerahan Peralatan Kepada Peserta PPP

- a. Perenggan 4.7 Tatacara Pelaksanaan PPP menyatakan peralatan yang diberikan adalah menjadi tanggungjawab peserta. Bagaimanapun, Kementerian/agensi boleh menarik balik peralatan yang tidak digunakan dan boleh dipertimbangkan untuk peserta baru yang layak. Tempoh pemantauan peserta program adalah selama 12 bulan daripada penerimaan peralatan.
- b. Hasil lawatan pihak Audit pada bulan April hingga Jun 2022 ke 183 premis peserta PPP mendapati **38 peserta tidak menggunakan 106 peralatan yang telah dibekalkan bernilai RM211,722 yang sepautnya digunakan untuk menjana pendapatan peserta**. Sejumlah 32 peralatan tersebut yang bernilai RM104,079 telah diserahkan antara lapan hingga 12 bulan manakala 74 peralatan lagi yang bernilai RM107,643 telah diserahkan kepada peserta lebih daripada 12 bulan. Kesemua peralatan masih dalam keadaan yang baik seperti dalam **Gambar 21** hingga **Gambar 32**. Maklumat tempoh penerimaan peralatan adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15
TEMPOH PENERIMAAN PERALATAN PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN**

PERKARA	BIL. PESERTA	BIL. PERALATAN	AMAUN (RM)
Dalam Tempoh 12 bulan	18	32	104,079
Selepas 12 bulan	20	74	107,643

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

GAMBAR 21



Lokasi: Yan, Kedah
- Mesin Muruku LC-33 1HP 92Kg Masih Tidak Digunakan
(Agenzi Pelaksana: GIATMARA)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 08.10.2020
(24.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22



Lokasi: Yan, Kedah
- Mesin Muruku yang Diberikan Telah Digunakan oleh Penerima untuk Menjalankan Perniagaan Muruku Selepas Teguran Audit
(Agenzi Pelaksana: GIATMARA)
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 23

Lokasi: Alor Setar, Kedah
 - High Pressure Car Washing Pump
 Masih Tidak Digunakan
 (Agensi Pelaksana: GIATMARA)
 Tarikh Penerimaan Peralatan: 24.01.2019
 (23.05.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 24

Lokasi: Alor Setar, Kedah
 - High Pressure Car Washing Pump Telah
 Digunakan oleh Peserta untuk Menjalankan
 Perniagaan Mencuci dan Membaiki Kenderaan
 Selepas Teguran Audit
 (Agensi Pelaksana: GIATMARA)
 (31.05.2023)
 (Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 25

Lokasi: Batang Sadong, Sarawak
 - Stand Mixer The Baker Masih Tidak Digunakan
 (Agensi Pelaksana: GIATMARA)
 Tarikh Penerimaan Peralatan: 10.03.2020
 (18.06.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 26

Lokasi: Batang Sadong, Sarawak
 - Stand Mixer The Baker Telah Digunakan oleh
 Peserta bagi Menghasilkan Produk Kek dan
 Pastri Selepas Teguran Audit
 (Agensi Pelaksana: GIATMARA)
 (31.05.2023)
 (Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 27

Lokasi: Alor Setar, Kedah
 - Spira Mixer Oven, 15 Try Single Bakery Pan Trolley
 dan Oven Tray Masih Tidak Digunakan
 (Agensi Pelaksana: FTC)
 Tarikh Penerimaan Peralatan: 17.08.2021
 (21.05.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 28

Lokasi: Kuala Ketil, Kedah
 - Mesin Parut Kelapa Masih Tidak Digunakan
 (Agensi Pelaksana: GIATMARA)
 Tarikh Penerimaan Peralatan: 07.11.2020
 (24.05.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 29



Lokasi: Tanjung Karang, Selangor
- Chiller Cool Plus 2DB Masih Tidak Digunakan
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 26.11.2020
(03.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 30



Lokasi: Tanjung Karang, Selangor
- Chiller Cool Plus 2DB Telah Digunakan oleh
Peserta untuk Menjalankan Perniagaan
Kecil-Kecilan Selepas Teguran Audit
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 31



Lokasi: Sabak Bernam, Selangor
- Freezer Snow LY750CDD 710L Tidak Digunakan
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 07.02.2022
(03.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 32



Lokasi: Sabak Bernam, Selangor
- Freezer Telah Digunakan oleh Peserta untuk
Menyimpan Daging Kambing yang Telah Siap
Dipakai Selepas Teguran Audit
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

- c. Hasil temu bual mendapati peralatan tidak digunakan disebabkan peralatan tidak sesuai, peserta tidak bermiaga lagi, tempahan pelanggan berkurangan, bekalan elektrik tidak dapat menampung voltan yang diperlukan oleh peralatan, tiada ruang untuk menempatkan peralatan atau peralatan telah diterima daripada pihak lain.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober 2022, 25 November 2022 dan 13 Januari 2023

Tempoh pemantauan adalah selama enam bulan hingga satu tahun. Selepas tempoh tersebut KKDW tidak lagi terikat dengan keboleh laksanaan projek berkenaan. KKDW juga sedang menambah baik dan meneliti kaedah *exit policy* peserta program dalam Tatacara Pelaksanaan PPP.

Maklum balas GIATMARA yang diterima pada 31 Mei 2023

Hasil lawatan dan pemantauan pada 26 dan 28 Mei 2023 mendapati lima peserta telah menggunakan peralatan yang dibekalkan untuk menjana pendapatan. Bagi peralatan mesin pemarut kelapa (Gambar 28), hasil pemantauan pada 28 Mei 2023 mendapati peserta tidak menjalankan perniagaan atas faktor kesihatan. Peserta memaklumkan penarikan diri dari Program PPP dan menyerahkan peralatan kepada GIATMARA. Cadangan penyerahan alatan kepada peserta sedia ada atau baharu yang menjalankan perniagaan yang sama akan diangkat untuk kelulusan Jawatankuasa Penilaian, Perakuan dan Kelulusan Program Peningkatan Pendapatan (JPPK-PPP) di peringkat KKDW.

Pendapat Audit | **Peralatan yang tidak digunakan oleh peserta menyebabkan objektif program tidak tercapai. Selain itu, bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan bahawa objektif pelaksanaan Program SPKR untuk membantu golongan sasaran telah tercapai. Pencapaian output adalah baik mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan program tidak pernah dibuat oleh pihak KKDW, namun berdasarkan maklum balas soal selidik yang dijalankan, program yang dilaksanakan telah dapat membantu golongan sasaran berdasarkan objektif yang ditetapkan. Selain itu, terdapat kelemahan dalam aspek pengurusan dan pemantauan program seperti pengurusan lebihan peruntukan yang telah disalurkan kepada agensi pelaksana, pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi/peraturan yang ditetapkan, kelewatan dalam penyerahan rumah bina baharu, pengurusan rekod aduan dalam tempoh DLP dan pelaksanaan program yang tidak mengikut perjanjian.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

- 7.1. KKDW perlu melaksanakan kajian keberhasilan program SPKR bagi menilai pencapaian program SPKR;
- 7.2. KKDW perlu menambah baik garis panduan program SPKR sedia ada dengan mengambil kira kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam aspek pengurusan dan

pemantauan program. Selain itu, spesifikasi lukisan piawaian elektrik bagi rumah bina baharu hendaklah disemak semula bagi memastikan aspek keselamatan diutamakan; dan

7.3. KKDW dan agensi pelaksana perlu memantau projek/program dengan lebih teliti dan terperinci. Aspek yang perlu diberi perhatian ialah pematuhan kontrak yang meliputi tempoh siap, pengenaan LAD dan skop kerja. Selain itu, pematuhan prosedur pembayaran hendaklah diberi perhatian dengan memastikan pembayaran hanya dibuat terhadap kerja yang telah dilaksanakan dan pemotongan bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan. Perkara ini bagi memastikan pelaksanaan projek/program yang lebih berkesan.

